

# Kerajaan akan 'ganyang', kata PM

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan akan 'ganyang' pihak-pihak yang di luar lunas-lunas undang-undang, cuba meruntuhkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata hanya rakyat saja yang boleh menentukan kerajaan dan rakyat juga yang boleh menurunkan kerajaan mengikut undang-undang dalam negara ini.

"Selagi rakyat berkuasa membentuk kerajaan dan kerajaan berkhidmat kepada rakyat, InsyAllah, kita akan beroleh kejayaan...ituilah

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID  
dan AHMAD PUAD ONAH

tujuan kita," tegasnya ketika berucap di hadapan berpuluh ribu rakyat di Stadium Jalan Raja Muda dalam lawatan rasmi ke Wilayah Persekutuan.

Sebaliknya, beliau berkata jika rakyat tidak lagi menghendaki kerajaan yang memerintah sekarang, mereka boleh menurunkan kerajaan mengikut undang-undang.

Datuk Seri Dr Mahathir menyeru rakyat supaya berkorban dan bersabar berhubung dengan perkara pindaan Perlembagaan, untuk kepentingan dan kesejahteraan mereka.

"Korban adalah satu amalan kita. Bagi umat Islam kita tahu amalan korban adalah baik," jelasnya.

Sebagai contoh pengorbanan, beliau berkata harga kelapa sawit telah meningkat dari \$800 kepada \$1,930 satu tan setela negara menghadapi keadaan ekonomi yang sukar sejak tiga tahun lalu.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan bukan hendak merebut kuasa secara haram.

"Kita memberi pengakuan Perlembagaan negara akan dipinda mengikut pendapat raja.

"Kita adalah orang yang bertolak ansur, tetapi satu prinsip yang tidak boleh ditolak ansur ialah rakyat yang menentukan nasib rakyat," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu per-

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# 'Sentiasa fikir tentang rakyat'

● DARI MUKA 1

himpunan itu, beliau akan membentangkan satu rang undang-undang baru berhubung dengan pindaan Perlembagaan negara dan memenuhi apa yang dijanjikan dengan Raja-Raja.

Beliau berharap, dengan penyelesaian isu itu, kerajaan akan dapat menumpukan usaha untuk kesejahteraan rakyat.

Perdana Menteri menegaskan, kejayaan yang dicapai bukanlah menga-

tasi masalah yang besar, tetapi "kerajaan terpaksa mengatasi masalah yang diperbesarakan oleh orang tertentu."

Beliau menarik perhatian mengenai perkara pemisahan Singapura, yang disifatkannya sebagai perkara besar.

"Rakyat tidak ditanya dan orang lain pun tidak ditanya mengenainya," katanya.

Berhubung isu pindaan Perlembagaan itu pula, beliau berkata, ada tujuan kerajaan cuba mere-

but kuasa. "Ada pula yang mengadakan rapat umum menyokong Raja.

"Kita pun menyokong Raja. Keadaan ini hanya membuat rakyat keliru supaya mereka dapat menanggung di air keruh," ujarnya.

Beliau mengulangi pindaan itu dibuat kerana ayatnya tidak jelas. Lagi pun pendek saja mengakibatkan terjadi satu dua peristiwa tentang kesan dari keadaan yang tidak jelas itu.

Berikutan itu, katanya beliau terpaksa membuat lawatan memberi penerangan kepada rakyat. "Ini tidak bermakna saya ingin mendapatkan sokongan, saya bukan mahu sokongan supaya menjadi diktator."

Tetapi, kini sudah jelas rakyat faham dan memberi sokongan, ujarnya.

"Oleh itu, kita berpendapat ada baiknya membuat penjelasan kedua-kedua sebenar," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, sejak 26 tahun lalu, kerajaan, tidak memikrkan perkara lain selain dari kepentingan rakyat.

Beliau memberi jaminan kerajaan akan terus menentukan rakyat akan mendapat keistimewaan.

Berucap di majlis perasmian Dewan Hamzah, beliau meluluskan peruntukan \$3 juta untuk membangunkan kawasan Kampung Baru.

Katanya, kerajaan akan terus memberi perhatian kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan simpangan Melayu, khususnya di bandar-bandar.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia